

15 JUN 1997

Anwar-budaya

HARGAI BUDAYA KAUM LAIN, KATA ANWAR

SANDAKAN, 15 Jun (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri hari ini meminta semua suku kaum di negara ini supaya sentiasa menghargai kebudayaan satu sama lain agar cita-cita pucuk pimpinan dan negara dapat diteruskan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia boleh ditadbir dalam keadaan harmoni seperti sekarang kerana kepimpinan negara berjaya mewujudkan matlamat dan wawasan bersama di kalangan rakyat.

"Bukan mudah untuk mentadbir sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia," katanya pada satu majlis makan malam, di sini.

Majlis itu, anjuran Parti Liberal Demokratik (LDP) di dewan Sekolah Menengah Yu Yuan di Bandar Kim Fung di sini, diadakan sempena lawatan sehari Anwar ke Sandakan.

Anwar berkata pemimpin-pemimpin kerajaan juga harus mengikis sikap mendahulukan kaum sendiri sahaja dan sebaliknya memberi layanan yang sama terhadap semua kaum.

Menurut Anwar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat penghormatan dari seluruh dunia kerana keadaan aman dan harmoni negara ini walaupun rakyatnya adalah dari kalangan pelbagai bangsa.

"Kebijaksanaan pemimpin seperti Dr Mahathir hendaklah dihargai," katanya.

Pada majlis itu, Anwar turut menyampaikan cek bernilai RM320,000 dari kerajaan kepada 10 buah sekolah menengah dan sekolah rendah kebangsaan Cina dari sekitar Sandakan.

Antara yang hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat yang juga Presiden LDP, Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi Datuk Osu Sukam dan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee. -- BERNAMA

KG NAK